



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING REKTOR

Bilangan 02 Tahun 2020

GARISPANDUAN PERBELANJAAN BERHEMAT KAMPUS

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga mengenai langkah-langkah untuk memantapkan pengurusan kewangan UiTM Kedah. Selaras dengan tema '2J' iaitu Jana dan Jimat dan '4S' iaitu Sihat, Selesa, Selamat dan Syukur Selalu, semua warga perlu mengamalkan dasar belanja berhemat dalam melaksanakan program dan aktiviti serta menggiatkan usaha penajanaan hasil dalaman Universiti.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling ini perlu dibaca bersama-sama:
 - a. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.
 - b. Pekeliling Naib Canselor, Bil 10 Tahun 2019, Garis Panduan Strategi Bajet Universiti Teknologi MARA Tahun 2020;
 - c. Pekeliling Naib Canselor, Bil. 1 Tahun 2017, Garis Panduan Pembelian Tiket kapal Terbang Domestik Dengan Cara "Beli & Tuntut".
 - d. Surat Pekeliling Naib Canselor, Bil 1 Tahun 2013, Arahan Menggunakan Kemudahan Dalaman UiTM Untuk Bengkel / Retreat Dalaman Universiti;

PELAKSANAAN

3. Pekeliling Naib Canselor, Bil 10 Tahun 2019 telah menggariskan panduan bagi pengurusan bajet tahun 2020. Namun, bagi memantapkan amalan perbelanjaan berhemat, semua warga UiTM Kedah diingatkan untuk turut melaksanakan langkah-langkah seperti di perenggan 4 hingga 8.

7. Lantikan Pegawai Pengiring:
 - a. Staf yang dilantik sebagai Pegawai Pengiring mestilah menaiki kenderaan yang disediakan oleh kampus bersama para pelajar.
 - b. Hanya seorang Pegawai Pengiring bagi setiap lawatan akademik/ program tanpa mengira bilangan pelajar. Sekiranya perlu melebihi seorang atau bagi kes-kes tertentu perlulah mendapat kelulusan Rektor terlebih dahulu.

8. Pengurusan Latihan Staf:
 - a. Setiap staf digalakkan mengikuti latihan yang dianjurkan oleh pihak dalaman kampus seperti ILD UiTM Kedah, Bahagian Pentadbiran, Persatuan/Kelab dan juga seminar atau konferensi anjuran PTJ UiTM Kedah.
 - b. Semua staf akademik hanya diberi kelulusan untuk membenteng kertas kerja sahaja bagi penyertaan di dalam mana-mana konferensi/seminar.
 - c. Penyertaan untuk menghadiri hanya diberi bagi konferensi/seminar tertentu sahaja yang akan diputuskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) UiTM Kedah, dan diberi kelulusan tanpa biaya.
 - d. Had pembiayaan yuran bagi penyertaan dalam pertandingan inovasi/ konferensi/ seminar anjuran PTJ dalam UiTM Kedah ialah RM250/kumpulan atau RM250/staf.
 - e. Had pembiayaan maksimum bagi menghadiri latihan/ kursus/ konferensi ialah RM1,000.00 seorang.
 - f. Walau bagaimanapun, kadar dan had maksimum di perenggan (d) dan (e) ini tidak terpakai bagi latihan/ kursus/ seminar/ konferensi yang menggunakan peruntukan daripada geran penyelidikan.

9. PTJ juga digalakkan menjana pendapatan untuk meningkatkan hasil Universiti dan juga menampung kos program yang ingin dianjurkan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber peruntukan kerajaan.

10. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk menjana pendapatan termasuklah:
 - a. Sewaan tanah, bangunan, ruang dan kemudahan
 - b. Penganjuran konferensi/seminar/ kursus jangka pendek berbayar
 - c. Geran sepadan dengan agensi/ industri/ universiti dalam dan luar negara
 - d. Program endowmen, wakaf, zakat, sumbangan

11. Bagi memaksimumkan hasil penganjuran konferensi/seminar/ kursus jangka pendek berbayar, langkah-langkah berikut boleh diamalkan:
 - a. Menyediakan buku program, sijil, laporan, kad jemputan menggunakan kod *Quick Response (QR Code)*.
 - b. Menjual sijil bercetak dan medal tambahan
 - c. Tidak menyediakan baju korporat atau baju seragam khas untuk sesuatu program.


Sekian, terima kasih.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 25 Jun 2020

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 25 Jun 2020



PROF. DR. MOHAMAD ABDULLAH HEMDI

Rektor

UiTM Cawangan Kedah

25 Jun 2020

Dikelilingkan Kepada:

Timbalan Rektor HEP

Timbalan Rektor HEA

Timbalan Rektor PJI

Semua Ketua Bahagian/Unit

Rujukan Fail : 100-UiTMKDH(PT.6/7)